

13 JUN 2002

Restoran/I

RESTORAN MELAYU DI GENEVA JADI TUMPUAN JAGUH BOLA SEPAK DUNIA

Oleh: Mahrus Ibrahim

GENEVA, 13 Jun (Bernama) -- Pada menu di sebuah restoran di pinggir Geneva tercatat "Crevettes Aux Ananas", "Agneau Aux Curry" dan "Brochette Mixte", tetapi dindingnya dihiasi dengan pelbagai poster termasuk pemandangan di Langkawi, Pulau Pangkor, KLIA, Sarawak, Gunung Kinabalu dan Taman Negara.

Keunikan ini hanya boleh anda temui di satu-satunya restoran Melayu di La Cote, Nyon, kira-kira 20 minit perjalanan dengan kereta dari Geneva melalui lebuh raya yang begitu indah pemandangan sekitarnya.

Bagaimanapun, anda jangan terkejut kerana "crevettes aux ananas" sebenarnya adalah udang masak lemak manakala "agneau aux curry is" adalah kari kambing dan "brochette mixte" pula adalah sate.

"Saya tidak boleh gunakan perkataan sate pada menu kerana pelanggan saya tidak memahaminya sebab kebanyakan mereka adalah bangsa Eropah dan Arab," kata Mohd Ibrahim Abdul Mutalif, 40, pemilik restoran berkenaan yang diberi nama "Restaurant Specialities De Malaisie".

Oleh kerana ia terletak di kawasan Kompleks Sukan Colouray berhampiran ibu pejabat Persatuan Bola Sepak Kesatuan Eropah (EUFA), restoran ini menarik perhatian para pemain pasukan bola sepak terkenal dunia seperti Real Madrid, Barcelona dan skuad kebangsaan Belanda yang sekali-sekala menjalani latihan di pusat tersebut.

"Baru-baru ini Patrick Kluivert, Dennis Bergkamp dan seluruh pemain pasukan Belanda datang ke sini. Mereka benar-benar menyukai makanan di sini," kata Mohd Ibrahim atau lebih mesra dengan panggilan "Bryan" di kalangan pelanggannya.

Usahawan yang berasal dari Ipoh ini datang ke Geneva 20 tahun lepas untuk mengikuti kursus pengurusan hotel dan mengambil keputusan untuk terus menetap di sini.

Pada 1988, selepas lapan tahun merantau ke Geneva, beliau membuka sebuah restoran makanan Switzerland di Fineburg tetapi terpaksa mengundur diri disebabkan oleh kadar sewa yang terlalu mahal. Selepas itu beliau menukar kerjaya dengan menjadi pengajar di sebuah sekolah latihan perhotelan di sini.

Pada 1992, Mohd Ibrahim sekali lagi menukar kerjaya dengan berkhidmat sebagai pengurus makanan dan minuman di sebuah hotel bertaraf antarabangsa sebelum melepaskan jawatan itu untuk mengusahakan perniagaan sendiri pada 1999.

Usahawan gigih ini mengambil keputusan membuka restoran berkenaan kerana semasa bekerja di sebuah restoran di sini, beliau mendapati sambutan yang diberi oleh pelanggan terhadap masakan Malaysia yang disediakannya cukup menggalakkan.

Semua makanan yang dihidangkan di restorannya ini dimasak sendiri oleh Mohd Ibrahim dengan bantuan ketua tukang masak, Zaharan "Bob" Zakaria, 26, dan Sazali Din, 30, kedua-duanya berasal dari Ipoh.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng adalah antara orang kenamaan Malaysia yang pernah menjamu selera di restoran ini.

Mohd Ibrahim juga diberi penghormatan menyajikan makanan untuk majlis perjumpaan Persatuan Warga Malaysia di Geneva yang diadakan di sini malam Selasa lepas yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohd Ibrahim memberitahu Bernama bahawa pada peringkat awal, beliau

menghadapi beberapa masalah kerana tidak ramai yang tahu tentang restorannya. Bagaimanapun, katanya, setelah restorannya mula diketahui ramai, pelanggannya semakin bertambah termasuk syarikat-syarikat antarabangsa.

Rezeki Mohd Ibrahim bertambah murah kerana minggu depan beliau diberi kepercayaan menyajikan makanan untuk 90 kakitangan sebuah bank Switzerland di sini.

Mohd Ibrahim mendapat bekalan daging, ayam dan makanan laut daripada seorang pembekal di Lausanne.

"Tapi, bagi rempah, saya mengimportnya dari Malaysia," katanya.

Mohd Ibrahim bercita-cita menjadi pemilik rangkaian restoran Malaysia di Switzerland.

"Inilah sumbangan kecil saya untuk membantu memperkenalkan Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

MAI MAI AAM SP